

# PRIME B12 TABLET

Vitamin B12 (50mcg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Prime B12
2. Bagaimana Prime B12 berfungsi
3. Sebelum menggunakan Prime B12
4. Cara menggunakan Prime B12
5. Semasa menggunakan Prime B12
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Prime B12
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Prime B12

Ia digunakan untuk rawatan keadaan kekurangan vitamin B6 akibat kekurangan zat makanan.

## Bagaimana Prime B12 berfungsi

Vitamin B12 mempengaruhi beberapa fungsi metabolismik, termasuk metabolisme lemak dan karbohidrat dan pembentukan protein. Ia juga diperlukan untuk tumbesaran, replikasi sel, pembentukan sel darah, nukleoprotein (cth: DNA) dan mielin (lapisan luar saraf).

## Sebelum menggunakan Prime B12

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Prime B12 jika terdapat alahan kepada cyanocobalamin atau sebarang bahan-bahan yang terkandung dalam Prime B12, dan penyakit *Leber* sebab degradasi saraf penglihatan yang cepat selepas penggunaan vitamin B12.

### - Sebelum menggunakan Prime B12

Gunakan dengan berhati-hati jika pernah mengalami gout (paras asid urik yang tinggi) dan penyakit jantung.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Prime B12

### - Berapa banyak harus digunakan

50 - 150mcg setiap hari atau ikut arahan doktor. Ikut arahan doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Prime B12

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Prime B12.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi Prime B12 kepada seseiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Dos tinggi tidak disyorkan tanpa nasihat doktor.

## Kesan-sesan sampingan

Pada amnya, Prime B12 adalah senang diterima. Walaupun demikian, sila jumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Prime B12

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet bulat berwarna merah muda dan bergaris pada satu belah.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: cyanocobalamin
- Bahan tidak aktif: lactose monohydrate, cornstarch, polyvinylpyrrolidone, magnesium stearate, dried cornstarch and microcrystalline cellulose

### - Nombor MAL

MAL19912107X

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

17/11/2017

## Nombor siri

NPRA(R4/1)171117/00321